



KP.(BKEW)(PK)1587/6/A-4(9)

11 September 2008

Semua Ketua Jabatan/ Bahagian  
Semua Pengarah Pelajaran Negeri  
Semua Pengarah Institusi Pendidikan  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan

**SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 9 TAHUN 2008**

**PINDAAN PERTAMA KEPADA SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 8  
TAHUN 2008 MENGENAI ARAHAN PERBELANJAAN BERHEMAT  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menguatkuasakan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bilangan 4 Tahun 2008 dan pindaan kepada perenggan 19, Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil.8 Tahun 2008 mengenai langkah untuk mengurangkan perbelanjaan awam.

**PELAKSANAAN**

2. Selaras dengan SPP tersebut, Kerajaan telah bersetuju membenarkan penggunaan kemudahan hotel untuk tujuan penganjuran mesyuarat/persidangan/ seminar/ bengkel/ kursus tertakluk kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab memastikan program ini terkawal dan dianjurkan secara sederhana serta merujuk kepada peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

3. Semua Ketua Jabatan diingatkan supaya memastikan pelaksanaan penganjuran mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel/ kursus di hotel adalah bagi yang **benar-benar** perlu sahaja. Ketua Jabatan hendaklah memberi keutamaan penggunaan premis kerajaan dalam penganjuran program tersebut sebelum memilih untuk dilaksanakan di hotel.

4. Semua Jabatan/ Bahagian hendaklah melaksanakan program mesyuarat/persidangan/ seminar/ bengkel/ kursus dalam zon negeri masing-masing. Penganjuran program di luar zon hanya dibenarkan bagi yang melibatkan peserta daripada pelbagai negeri serta dilaksanakan di negeri peserta yang paling ramai.

(Sila catatkan rujukan Kementerian ini bila berhubung)



5. Dalam melaksanakan arahan ini semua Jabatan/ Bahagian di bawah KPM yang menggunakan peruntukan belanja mengurus, wang amanah dan sumber peruntukan lain dalam penganjuran program di hotel hendaklah mematuhi penyediaan permohonan secara pakej SPK Bil. 6 Tahun 1997.

6. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Kewangan ini, perenggan 19 dalam SPK Bilangan 8 Tahun 2008 adalah terbatal.


#### **TARIKH KUATKUASA**

7. Surat Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"TINGKATKAN PRODUKTIVITI KURANGKAN KOS"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(ROGAYAH BINTI A. BAKAR)**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kewangan  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k : Yg.Bhg. Tan Sri Dr.KSU

KPPM

Semua TKSU

Semua TKPPM

